Juruteknik bawa pulang RM7000 Juara Pertandingan Memancing Terbuka UMP

Pekan, 16 September – Seorang juruteknik dari Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd, Mohd Khairi Hisyam Othman, 32, muncul juara dalam Pertandingan Memancing Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) setelah berjaya mendaratkan ikan Tenggalam seberat 1.62 kilogram sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM 7000 di Tasik UMP Pekan kelmarin.

Tempat kedua milik Mohd Arif bin Mohd Azarudin, 20, dari Sg. Soi yang mendaratkan ikan Talapia seberat 0.44 kilogram. Manakala tempat ketiga telah dimenangi oleh Shahrul Nizam Mat Aris, 47 dari Indera Mahkota Kuantan dengan mendaratkan ikan keli seberat 0.38 kilogram. Pemenang membawa pulang hadiah wang tunai RM 3000 dan RM1000 serta tempat keempat hingga kesepuluh pemenang membawa pulang RM 250 setiap seorang.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Sukan & Kebudayaan, Abd Rahman Hj Safie. Terdahulu majlis pelepasan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin seawal jam 8.04 pagi.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, program ini adalah sebahagian daripada aktiviti menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia selain berpeluang memperkenalkan kampus UMP kepada masyarakat sekeliling.

"Penganjuran pertandingan memancing yang masuk tahun kedua ini juga sebahagian daripada program menyokong usaha pendidikan pelancongan (Edu-Tourism) sebagai tarikan baharu selain Taman Mini Rusa di dalam kampus," katanya.

Inisiatif ini juga sebagai menyokong usaha universiti dalam memperkenalkan budaya dan tempat menarik di Negeri Pahang terutamanya di Pekan bersempena Tahun Melawat Pahang. Dalam pada itu dapat menambah bilangan pengunjung ke Medan Ikan Bakar di Kuala Pahang dan sekitar bandar Pekan.

Sementara itu, Abd Rahman berpuas hati dengan penyertaan pertandingan memancing pada kali ini mencecah sebanyak 588 melebihi sasaran awal iaitu 500 penyertaan. Berdasarkan penyertaan tersebut, dapat kita saksikan penerimaan pemancing terhadap pertandingan di tasik UMP ini semakin meningkat termasuk dari luar Pahang seperti Melaka, Johor, Kelantan dan Terengganu .

Bagi pemenang pertandingan, Khairi tidak menyangka dengan hanya menggunakan umpan cacing seawal jam 8.47 pagi berjaya memperoleh tangkapan terbesar. “Kebetulan pada hari ini, cuti hari Malaysia jadi saya mengambil peluang ini untuk menyertai pertandingan ini di samping untuk mengisi masa lapang. Telah banyak banyak kali menyertai pertandingan, namun tidak menyangka tuah pada Hari Malaysia tahun ini saya berjaya,” ujarnya.

Pertandingan yang menawarkan hadiah keseluruhan lebih RM 16,000 ini dianjurkan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan Pejabat Naib Canselor UMP sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia tahun ini.

Disediakan Nor Salwana Mohd Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 18-09-2017, 10:21:16